

CNS9776

UGB 06-11 00199 PW086

AAB DEM

Mahathir - Politik

JANGAN BERMAIN DENGAN' API, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada golongan tertentu supaya +jangan bermain dengan api+ secara herub-heruan dengan orang asing untuk mencabul kemerdekaan Malaysia.

Sambil menyifatkan golongan itu sebagai penderhaka, beliau menegaskan: +Kita tidak akan membenarkan mana-mana pihak memecah-belahkan negara kita dan kita akan mempertahankan kebebasan dan hak kita+.

Menurutnya, mungkin kerana terpengaruh dengan aliran kelahiran beberapa buah negara kecil (akibat keruntuhan blok Soviet), golongan berkenaan ingin memecahkan Malaysia walaupun mereka cuba menyangkalnya.

+Tetapi, dengan membuat tuntutan supaya disemak semula perhubungan Xeraan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, menuntut supaya diadakan +referendum+ dan mengadakan rancangan-rancangan tertentu untuk mengambil alih peranan keselamatan, tidakkah ini menunjukkan percubaan untuk keluar Malaysia?+ tanya Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO 1992 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia ialah sebuah negara yang aman. Tetapi, janganlah digugat keamanan ini dengan membakar perasaan kesukuan dan kenegaraan.

+Sekalikewarasan fikiran diganti dengan emosi, amatlah sukar bagi mereka yang membangkitkan perasaan ini meredakan keadaan, +tegasnya. -- Lagi.

▼06/11/11-12MST

CNS9778

U PB 06-11 00169 PW087

AAB DEM

Mahathir - Politik 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, golongan itu berfikir bahawa orang asing akan mempertahankan tindak-tanduk mereka dan mereka menceritakan kononnya Kerajaan Persekutuan menindas mereka kerana mereka beragama Kristian.

+Mereka percaya kita tidak akan mengambil tindakan kerana kita takut kepada kawan-kawan mereka di luar negara.

+Saya ingin menasihatkan bahawa kawan-kawan mereka itu, yang mendakwa jaguh mempertahankan hak asasi dan kebebasan puak minoriti, sudah tidak ada kredibiliti lagi.

Mereka mendakwa mereka berhak campurtangan dalam hal ehwal mana-mana negara jika didapati hak asasi manusia tidak dihormati. Tetapi apakah yang kita lihat di Bosnia, katanya.

Menurut Perdana Menteri, hak asasi manusia dicabul dengan begitu kejam dan terbuka di Bosnia tetapi jaguh-jaguh dunia- itu enggan mengambil sebarang tindakan yang berkesan, sekadar berpekek +jangan, jangan+ sementara berpuluh-puluh ribu orang Islam dan Croat Kristian dibunuh.

Katanya, jika Barisan Nasional tidak dapat memerintah mana-mana kerajaan negeri di Malaysia, itu tidak mengapa dan +kita terima keputusan yang demokratik oleh rakyat+. -- Lagi.

▼06/11/11-21MST

C N S 9 7 7 9  
U PB 06-11 00146 PW088  
AAB DEM

Mahathir - Politik 3 Kuala Lumpur

+Tetapi, janganlah mana-mana pihak atau mana-mana negeri cuba mengancam Persekutuan negara ini. Tanggungjawab Xera jaan Pusat adalah jelas iaitu ia akan mempertahankan persekutuan dan kemerdekaan negara ini dengan apa juga cara,+ tegasnya.

Mengenai demokrasi di dalam UMNO, beliau berkata, ia adalah alat dan cara pemerintahan yang lebih mampu memberi keadilan kepada rakyat daripada sistem-sistem yang lain.

Katanya, peristiwa pengharaman UMNO berikutan perebutan jawatan parti pada tahun 1987 harus dijadikan iktibar' kerana ia memberi pengajaran tentang implikasi daripada penyalahgunaan dan penyalahertian demokrasi.

Menurutnya, beliau cenderung untuk berkata bahawa anggota-anggota UMNO telah mengambil iktibar daripada peristiwa 1987 itu tetapi hakikatnya +ialah masih ada yang belum+.

+Untuk pemilihan peringkat cawangan dan bahagian, kempen yang tidak sihat telah di jal'ankan dan kemudahan kerajaan kadang-kadang tligdnakan untuk mendapat sokongan bagi diri sendiri,+ katanya. -- Lagi.

▼06/11/11-28MST

U PB 06-11 00177. PW089

AAB DEM

Mahathir - Politik 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir mendedahkan, surat layang yang mengandungi 'fitnah 'dan butir-butir rahsia partitelah di edarkan, buku dicetak untuk memburukkan para pemimpin tertentu dan' wang yang banyak masih di taburkan untuk mendapat sokongan.

+Saya ingin mengingatkan, 'bahawa jika kerana terlalughairah untuk mendapatkan kedudukan dalam parti, parti akan hancur,+ tegasnya.

Menurutnya, 'jika pertandingan untuk jawatan parti terlalu sengit, ke jayaan tidak membawa apa-apa erti dan orang lain yang akan meraih keuntangan ,

Perdana Menteri mahu anggota. parti mengutamakan UMNO dan bukan orang tertentu.

Mengenai sistem Raja Berpelembagaan, Dr Mahathir mengulangi bahawa hanya UMNO antaraparti politik Melayu yang tegas menyokong. sistem Femerintahan Beraja .

+Kita memilih sistem Raja Berperlembagaan kerana kita khuatir jika dipilih Sistem Beraja yang penuh kuasa, kuasa itu akan disalahgunakan, akhirnya rakyat akan memberontak dan sistem 'itu diganti dengan sistem' republik.

+Jika kita mengkritik gerak-geri mana-mana raja, sebabnya ialah supaya gerak-geri yang tidak menyenangkan itu akan dihentikan dan dengan itu sokongan terhadap Sistem Beraja tidak akan terjejas,+ katanya. -- Lagi.

▼06/11/11-41MST

CNS9788

U PB 06-11 00153 PW090

A A B DEM

Mahathir - Politik 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga mengingatkan orang Melayu agar tidak harus bergantung kepada kuasa politik selama-lamanya untuk mencapai kemajuan.

Kuasa politik, merupakan satu tongkat bagi orang yang tempang dalam bidang-bidang lain dan mereka yang menggunakan tongkat sepanjang masa akan menjadi semakin lemah kerana anggota mereka tidak digunakan sepenuhnya dan akan hilang upaya, katanya.

Tongkat hanya berguna dan harus diguna untuk mengatasi kelemahan sementara, ujar beliau.

Menurutnya, tongkat mesti dilepaskan dan orang Melayu mesti berdiri di atas kaki sendiri kerana tongkat juga boleh patah seperti yang pernah dialami pada tahun 1987 ketika kuasa politik mereka hampir hilang akibat sifat tamak kuasa dikalangan orang Melayu sendiri.

Dapatkah kita pastikan bahawa ketamakan kuasa seperti ini tidak akan berulang? Apakah kita boleh yakin bahawa kali ini tongkat orang Melayu tidak akan patah dan terushilang? tanya beliau. -- Bernama.

06/11/11-48MST